

1976

KUALA LUMPUR, 15 APRIL (BERNAMA)— DR. MAHATHIR MOHAMMED BERKATA, KEMENTERIAN PELAJARAN BELUM BERCADANG MEMBATALKAN PEPERIKSAAN SPM DAN STP.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BAGAIMANAPUN MENEGASKAN MASAALAH PEPERIKSAAN ADALAH ANTARA PERKARA YANG AKAN DITIMBANGKAN OLEH JAWATANKUASA PERINGKAT MENTRI YANG DITUBUHKAN UNTUK MENGAJI PERLAKSANAAN DASAR PELAJARAN MALAYSIA.

BELIAU MENJAWAB PERTANYAAN BERTULIS DR. CHEN MAN HIN (DAP-SEREMBAN) YANG MAHU TAHU SAMA ADA KERAJAAN HENDAK MEMBATALKAN PEPERIKSAAN-PEPERIKSAAN TERSEBUT.

DR. MAHATHIR, YANG JUGA MENTERI PELAJARAN KETIKA MENJAWAB PERTANYAAN ENCIK MOHD BAKRI RAIS (BN-PARIT) PULA BERKATA, KEMENTERIANNYA BERCADANG MEMBINA LEBIH BANYAK RUMAH GURU DI LUAR-BANDAR DIBAWAH RANCANGAN MALAYSIA KETIGA.

ENCIK MOHD BAKRI MENYEBUT BAHAWA SALAH SATU SEBAB KELEMAHAN MURID-MURID LUARBANDAR IALAH KEKURANGAN TEMPAT TINGGAL BAGI PARA GURU DAN INI MENYEBABKAN MEREKA TERPAKSA TINGGAL JAUH DARI SEKOLAH. DENGAN ITU MEREKA TIDAK DAPAT MELAPANGKAN MASA MEMBERI DIDIKAN TAMBAHAN KAPADA MURID-MURID.

DR. MAHATHIR BERKATA PEMBINAAN RUMAH-RUMAH GURU TIDAK AKAN MENGATASI MASAALAH TERSEBUT KERANA PADA MASA INI TERDAPAT BANYAK RUMAH GURU DI LUAR BANDAR YANG KOSONG. — BERNAMA 1624/ZCM